



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN EMPAT 2010
BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

Oktober

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi

Disediakan Oleh:

AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada usaha ibu bapa untuk menentukan masa depan anak-anak. Huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa untuk menentukan kejayaan masa depan anak-anak. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B**[100 markah]****[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Masalah disiplin murid sekolah menjadi isu yang tidak berkesudahan. Usaha menangani masalah ini memerlukan kerjasama semua pihak.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk mengelakkan diri daripada terjebak dalam masalah tersebut.

2. Aktiviti riadah dan rekreasi bersama-sama keluarga sangat digalakkan kerana dapat mengeratkan hubungan keluarga selain dapat menyihatkan badan.

Ulas pernyataan di atas.

3. Kesibukan bekerja menyebabkan masyarakat meminggirkan semangat kejiwaan. Oleh itu, usaha-usaha mempertingkatkan semangat tersebut perlu dilaksanakan.

Tulis sebuah rencana tentang usaha-usaha mempertingkatkan semangat kejiwaan dalam kalangan rakyat.

4. Penyertaan setiap negara dalam pertandingan sukan atau persidangan pada peringkat antarabangsa dapat mengeratkan hubungan masyarakat dunia.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

5.

Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
--

Peribahasa di atas menggambarkan bahawa nilai sepakat penting dalam kehidupan.

Bincangkan manfaat nilai tersebut dalam masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT